



1. JAWATAN	: PEGAWAI PELAJARAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: PEJABAT SETIAUSAHA TETAP (PENGAJIAN TINGGI) KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

#### KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan

- 
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.13 / B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

#### ATAU

- - 
  - b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.11 / B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
  3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN KANAN:

1. Membantu membuat penyeliaan dan pemantauan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek Kementerian Pendidikan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN).



2. Menyediakan dan mengemaskinikan Anggaran Peruntukan Kewangan Tahunan bagi Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi).
3. Menyediakan Laporan Tahunan bagi Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan mengumpul Laporan Tahunan Jabatan /Bahagian di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi).
4. Membuat penelitian terhadap permohonan-permohonan untuk menghadiri persidangan, mesyuarat, penempatan kerja, lawatan kerja serta Latihan dalam Perkhidmatan (jangka pendek) seperti kursus, seminar, bengkel dan lain-lain Jabatan / Bahagian di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi).
5. Menyediakan Rancangan Kerja Tahunan dan mengumpul serta menyusun semua Rancangan Kerja Tahunan Jabatan / Bahagian di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi).
6. Menyelia dan memantau tugas-tugas pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi).
7. Melaksanakan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.